



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-
Peruntukan Khas) (Pindaan) 1985**

DR.15/1985

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) (Pindaan) 1985.

Tajuk ringkas.

2. Seksyen 4 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975 adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

Pindaan seksyen 4. Akta 152.

“(1) Maklumat berhubung dengan kelahiran kepada atau kematian seseorang warganegara Malaysia semasa menunaikan haji boleh diberi—

(a) kepada Pendaftar, dalam tempoh empat puluh hari dari kelahiran atau kematian itu; atau

(b) kepada Pendaftar Besar, dalam tempoh enam bulan dari kelahiran atau kematian itu.”.

HURAIAN

Rang-Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975.

2. *Fasal 2 Rang Undang-Undang bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 4 Akta dengan melanjutkan tempoh untuk memberi maklumat berkenaan dengan kelahiran dan kematian kepada Pendaftar daripada empat belas hari dan tujuh hari masing-masingnya kepada empat puluh hari oleh kerana tempoh yang ada sekarang ini didapati terlalu singkat. Sekiranya dalam tempoh empat puluh hari yang tersebut itu masih tidak mungkin dapat diberikan maklumat itu maka maklumat itu bolehlah diberikan kepada Pendaftar Besar dalam tempoh enam bulan.*

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U) (2) 1036.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang berunding dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada Raja seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Perubahan-Pertambahan) 1975 (Khas) (Pindaan) 1975.

2. Seksyen 4 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Perubahan-Pertambahan) Khas) 1975 adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

- "(1) Maklumat berhubung dengan kelahiran kepada atau kematian seseorang warganegara Malaysia semasa menunaikan haji boleh diberi—
- (a) kepada Pendaftar, dalam tempoh empat puluh hari dari kelahiran atau kematian itu; atau
- (b) kepada Pendaftar Besar, dalam tempoh enam bulan dari kelahiran atau kematian itu."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Perubahan-Pertambahan) Khas) 1975.